

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

The Star mis 4 Nation 8/6/2025 (Ahad)

'Flavoured tobacco products are a public threat'

> FROM PAGE 3

"They're designed for youth initiation," he said, while also calling for strong enforcement in retail and online spaces, banning child-friendly designs, and launching educational campaigns.

Citing the National Health and Morbidity Survey 2022, which showed one in 10 teenagers aged 13 to 17 are e-cigarette users, Saravanan said there is no more time to waste.

"Flavoured tobacco products are a public health threat, not a lifestyle choice," he said.

On World No Tobacco Day,

WHO called on governments to urgently ban all flavours in tobacco and nicotine products, including cigarettes, pouches, hookahs and e-cigarettes.

As of now, over 50 countries ban flavoured tobacco, while more than 40 prohibit e-cigarette sales, with five banning disposables and seven banning e-cigarette flavours.

However, flavour accessories remain mostly unregulated.

Countries like Belgium, Denmark and Lithuania are taking action, and the WHO is urging others to follow suit.

Malaysian Medical Association president Datuk Dr Kalwinder

Singh Khaira also urged a ban on flavoured tobacco and nicotine products, highlighting their role in early nicotine addiction.

"We see an alarming trend of youths, both boys and girls, drawn to vaping by sweet flavours," he said, adding that Malaysia's healthcare system will face the burden of treating vaping-related illnesses and injuries in the coming years, along with nicotine addiction.

Parent Action Group for Education chairman Datin Noor Azimah Abdul Rahim also supported the ban on flavoured tobacco products, citing insufficient parental awareness of

their risks.

"Many parents understand smoking's harm but are less informed about flavoured or electronic tobacco dangers," she said.

Noor Azimah criticised "problematic and ethically questionable" marketing targeting youth and said there should be a ban to curb experimentation and addiction.

She noted the ban should be part of a comprehensive strategy that includes public education and strict enforcement of age restrictions.

"A holistic approach is crucial to safeguard our youth," she added.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : DUNIA

Berita Harian m/s 24 Dunia 8/6/2025 (Ahad)

COVID-19 kembali melanda, kes melonjak di beberapa negara

Tatkala masyarakat semakin berasa selesa dan kurang waspada terhadap ancaman COVID-19, virus itu kini menunjukkan tanda-tanda kebangkitan semula di beberapa negara, dengan peningkatan ketara jumlah kes dilaporkan.

Antara 25 hingga 30 Mei lalu, Thailand mencatatkan sebanyak 65,880 kes baharu COVID-19 membabitkan tiga kematian.

Susulan peningkatan kes di beberapa negara Asia, Kementerian Kesihatan Indonesia mengeluarkan nasihat kesihatan awam dan menggesa rakyat supaya terus berwaspada serta mengamalkan langkah pencegahan.

India pada Jumaat lalu melaporkan 564 jangkitan baharu COVID-19 dan tujuh kematian dalam tempoh 24 jam sehingga 5 Jun 2025, menurut data Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Keluarga.

Jumlah kes aktif kini meningkat kepada 4,866, manakala angka korban keseluruhan akibat wabak itu meningkat kepada 51 orang.

Sepanjang tempoh yang sama, seramai 674 pesakit telah pulih sepenuhnya daripada jangkitan.

Di Hong Kong dan Amerika Syarikat (AS), peningkatan kes COVID-19 dilaporkan berpunca daripada varian NB.1.8.1.

Singapura pula melaporkan lebih 14,000 kes antara 27 April hingga 3 Mei lalu.

Sementara itu, di Malaysia, Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan purata 600 kes dilaporkan setiap minggu antara 14 April hingga 10 Mei lalu.

Sebanyak lebih 11,000 kes dicatatkan dari 1 Januari hingga 10 Mei lalu, berdasarkan data terkini yang dikeluarkan Kementerian.

Pakar kesihatan menegaskan bahawa masyarakat kini menjadi terlalu leka kerana COVID-19 tidak lagi dianggap ancaman utama. Orang ramai perlu sedar akan kewujudan mutasi baharu virus dan kemunculan varian baharu.

Varian terbaharu yang diklasifikasikan sebagai Varian Di bawah Pemantauan (VUM) adalah NB.1.8.1. Ia didapati begitu mudah merebak, namun tidak menunjukkan tanda-tanda lebih teruk atau meningkatkan risiko kemasukan ke hospital

Pakar kesihatan menegaskan bahawa masyarakat kini menjadi terlalu leka kerana COVID-19 tidak lagi dianggap ancaman utama. Orang ramai perlu sedar akan kewujudan mutasi baharu virus dan kemunculan varian baharu



atau kematian.

Vaksin sedia ada juga dikatakan masih mampu memberi perlindungan terhadap varian berkenaan.

Langkah berwaspada

Golongan berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak, wanita hamil dan mereka yang mempunyai penyakit kronik dinasihatkan untuk kekal berwaspada.

Golongan berkenaan disarankan memakai pelitup muka ketika berada di luar rumah atau

apabila menunjukkan gejala.

Penghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) pula perlu memastikan mereka tidak terlepas daripada mengambil ubat mengikut jadual.

Ujian saringan COVID-19 atau kunjungan ke pusat rawatan kesihatan boleh membantu menentukan jenis jangkitan dan mendapatkan rawatan lanjut, termasuk kemasukan ke hospital jika perlu.

Gejala boleh menyerupai antara satu sama lain atau dalam kes jarang berlaku, individu boleh dijangkiti dua virus serentak.

Varian baharu berkenaan turut dilaporkan menyebabkan simptom seperti demam, batuk, sakit tekak, keletihan, sakit kepala dan gangguan sistem penghadaman.

Selain ujian antigen, pesakit mungkin memerlukan imbasan X-ray dada dan ujian darah bagi mengesahkan sama ada jangkitan berpunca daripada radang paru-paru.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 28 Mei lalu memaklumkan bahawa sejak Februari lalu, aktiviti SARS-CoV-2 pada peringkat global meningkat dengan kadar ujian positif mencecah 11 peratus iaitu tahap tertinggi sejak Julai 2024.

"Kenaikan kes berkenaan terutama berlaku di negara-negara rantau Mediterranean Timur, Asia Tenggara dan Pasifik Barat. Sejak awal 2025, trend varian SARS-CoV-2 pada peringkat global menunjukkan sedikit perubahan.

Menurut WHO, peredaran varian LP.8.1 semakin menurun, manakala varian NB.1.8.1 yang diklasifikasi sebagai VUM kini meningkat dan merangkumi 10.7 peratus daripada jujukan genome global yang dilaporkan setakat pertengahan Mei.

Peningkatan aktiviti SARS-CoV-2 baru-baru ini dilihat selaras dengan pola tahun lalu dalam tempoh yang sama.

Bagaimanapun, tiada corak bermusim yang jelas dalam penularan SARS-CoV-2 setakat ini dan pemantauan masih terhad, kata WHO.

WHO turut menggesa semua negara anggota untuk terus memantau dan mengamalkan pendekatan bersepadu serta berasaskan risiko dalam pengurusan COVID-19.

AGENCI

(Foto REUTERS)



10 AEP)